

600 pesara kerajaan mahu Sanusi terus tabdir-Kedah 1999

ALOR SETAR 2 Dis. • Seramai 600 pesara kerajaan hari ini menyatakan pendirian untuk terus menyokong Tan Sri Sanusi Junid sebagai Menteri Besar Kedah sekurang-kurangnya bagi tempoh satu penggal lagi.

Setiausaha Kehormat Persekutuan Pesara-Pesara Kerajaan Malaysia (PPPKM) Kedah, Harun Hashim berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad perlu memberi peluang sekali lagi kepadanya untuk menerajui negeri ini kerana Sanusi merupakan pemimpin yang berkebolehan.

Menurut beliau, pengaruh Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri itu masih kuat di peringkat akar umbi kerana memenangi pilihan raya umum dengan majoriti yang besar di Dewan Undangan Negeri Kuah pada pilihan raya 29 November lalu.

"Kita minta Sanusi terus diberi peluang menunjukkan kebolehannya untuk sekurang-kurangnya bagi tempoh sepenggal lagi," katanya di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian sebagai mengulas dua surat pembaca yang disiarkan dalam ruangan *Forum* di akhbar ini yang meminta Sanusi berundur ekoran kegagalannya membawa kejayaan besar kepada BN pada pilihan raya umum lalu.

Antara lain surat pembaca tersebut meminta bekas Menteri Pertanian itu bertanggungjawab penuh terhadap kehilangan banyak kerusi BN di banyak kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Mengulas lanjut, Harun berpendapat, hanya segelintir rakyat Kedah yang tidak menerima kepimpinan Sanusi, sebabnya majoriti rakyat mahukan Sanusi terus menerajui negeri ini.

Jelas beliau, Sanusi tidak boleh dipersalahkan terhadap kemerosotan BN Kedah pada pilihan raya ini.

Beliau mendakwa, ahli-ahli UMNO perlu menyalahkan diri sendiri terhadap kemerosotan itu dan bukan semata-mata disebabkan oleh pucuk pimpinan negeri ini.

Katanya, Ahli Dewan Undangan Negeri Kuah itu mengalami kesukaran apabila membuat keputusan kerana halangan-halangan tertentu termasuk daripada musuh-musuh politiknya.